

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**  
**[ Pengerang ]**

**SOALAN NO. 97**

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status mewujudkan taska di agensi Kerajaan yang mana Kementerian sebelum ini menyasarkan 1 Januari 2019 dan apakah insentif lain selain pelepasan cukai bagi sektor swasta dalam mengalakkan mewujudkan taska serta apakah punca kelewatan membentangkan pindaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308] supaya sistem daftar sedia ada diperkasakan dan memantapkan lagi kawal selia dan penguatkuasaan terhadap semua taska di seluruh Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan Task Force TASKA Tempat Kerja Awam bertujuan untuk memantau pelaksanaan cadangan mewujudkan TASKA di semua agensi Kerajaan pada 1 Januari 2019. Sehingga Januari 2019, hanya 3 Kementerian sahaja yang belum memiliki TASKA di Tempat Kerja Awam iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Bagi Jabatan atau Agensi, 95 daripada 231 buah Jabatan/Agensi bawah Kementerian telah menubuhkan TASKA Tempat Kerja Awam manakala baki 136 buah Jabatan/Agensi belum mempunyai TASKA. Antara sebab yang dinyatakan adalah seperti tiada permintaan daripada pekerja, tiada ruang fizikal, tiada peruntukan untuk penubuhan dan faktor-faktor lain. Bagi agensi Kerajaan yang mempunyai perancangan untuk menubuhkan TASKA di Tempat Kerja Awam, JKM akan diberi khidmat nasihat secara menyeluruh.

Kementerian telah menerima peruntukan kewangan bagi tahun 2019 bagi penubuhan 50 buah TASKA di Bangunan Kerajaan dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM 10 juta. JKM telah pun mengerakkan Gerak Kerja bagi melaksanakan tujuan ini dan dijangka pada pertengahan Mac 2019, geran penubuhan TASKA di Tempat Kerja Awam dapat disalurkan kepada agensi yang berkeelayakan. Kejayaan pelaksanaan penubuhan TASKA di Bangunan Kerajaan dengan kos yang minima diharap dapat menarik sektor swasta untuk turut serta menyediakan kemudahan perkhidmatan TASKA kepada pekerja mereka. Kementerian juga dalam rangka perbincangan dengan beberapa pihak berkepentingan untuk mengurangkan kos utiliti dalam pengurusan TASKA untuk lebih menarik majikan sektor swasta dan dalam masa yang sama, berupaya membantu pengusaha TASKA.

Cadangan pindaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta TASKA) mengalami sedikit kelewatan disebabkan pihak Kementerian ingin memasukkan pindaan berkaitan dengan pengasuh kanak-kanak. Namun begitu, setelah diteliti, Kementerian berpandangan wajarlah pengasuh kanak-kanak mempunyai akta yang berbeza dengan akta sedia ada agar pemakaian akta lebih holistik.